

07/03/1997

Mahathir, Mandela lancar MSABC esok

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, dijadual bersama-sama melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-Afrika Selatan (MSABC), Sabtu ini.

Majlis perniagaan bersama untuk menggalak dan membangunkan hubungan perniagaan di antara kedua-dua negara itu akan dilancarkan pada Forum Afrika Selatan-Malaysia kedua di sini.

Kedua-dua pemimpin itu akan melancarkan plak perasmian MSABC untuk menandakan pelancarannya.

Mandela, yang mengetuai rombongan seramai 115 anggota, termasuk beberapa pemimpin industri, tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan lima hari.

Pengerusi jawatankuasa sementara MSABC, Bob Harvey, berkata penubuhan majlis itu adalah petanda mengenai mustahaknya mengembangkan lagi hubungan perniagaan di antara Afrika Selatan dan Malaysia. - Bernama

(END)